



RAMSI... Dr Harun memotong reben sebagai simbolik perasmian bangunan PPST UMS.



PENJELASAN... Harun diberi penerangan tentang perkembangan PPST oleh Dr. Sazmal (kanan).

Pencapaian akademik penting bagi pelajar asasi teruskan pengajian: Dr Harun

NST 25.3.2017 2

KOTA KINABALU: Pencapaian akademik amat penting bagi tahap asasi kerana ilmu yang diperolehi merupakan asas bagi mengikuti program-program prasiswazah selepas menghabiskan Program Asasi Sains, di Pusat Perseediaan Sains dan Teknologi (PPST), kata Naib Canselor Universiti Malaysia Sabah (UMS), Prof. Datuk Dr. Mohd Harun Abdullah.

Menurut beliau, para pensyarah pula perlu membantu pelajar-pelajar bukan sahaja dari segi pembelajaran, malah seharusnya memberi inspirasi dan memupuk minat mereka agar terus mendalami ilmu sains.

"Saya juga ingin mengingatkan para pelajar agar sentiasa bersyukur dengan peluang belajar di PPST, lebih-lebih lagi dengan kelengkapan dan kemudahan yang serba baharu ini," katanya.

Harun berkata demikian ketika merasmikan Bangunan Utama PPST, baru-baru ini.

Beliau berkata, pelajar yang kini menuntut di PPST adalah kumpulan pelajar yang bertuah kerana dapat mengikuti Program Asasi Sains di UMS berbanding dengan puluhan ribu calon yang telah memohon untuk mengikuti program itu.

"Para pensyarah haruslah melaksanakan

tugas mendidik pelajar-pelajar muda ini dengan ikhlas dan bersungguh-sungguh seperti mengajar adik-adik sendiri kerana mereka inilah yang akan menjadi perintis para jurutera, doktor, saintis dan juga pensyarah pada masa hadapan," tambahnya.

Menyentuh mengenai bangunan baharu PPST, Harun berkata, PPST amat bertuah kerana mempunyai bangunan sendiri, yang tersergam indah dan berkonsepkan EcoCampus, sesuai dengan kelestarian alam sekitar.

"Bangunan baharu ini pasti akan memberi suntikan baru dan menaikkan lagi semangat warga PPST untuk bekerja lebih gigih dan bersungguh-sungguh bagi meningkatkan kecakapan tadbir urus serta mendukung segala visi UMS secara amnya," katanya.

Hadir sama pada majlis itu Timbalan Naib Canselor (Akademik dan Antarabangsa), Prof. D. Kamarudin D. Mudin; Timbalan Naib Canselor (Penyelidikan dan Inovasi), Prof. Dr. Shahril Yusof; Timbalan Naib Canselor (Hal Ehwal Pelajar dan Alumni), Prof. Madya Dr. Ismail Ali dan Pengarah PPST, Prof. Madya Dr. Sazmal Effendi Arshad.



TANAM POKOK... Dr Harun menanam pokok di perkarangan bangunan baharu PPST UMS.